MANUSCRIPT COLLECTION

HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA

Bab 1: Raja Merong Mahawangsa

R. J. WILKINSON

Hikayat Merong Mahawangsa

R. J. Wilkinson

Syafiq Hadzir

Hikayat Merong Mahawangsa versi R. J. Wilkinson ini telah diterjemah ke dalam tulisan rumi, disunting, diperkemaskan lagi dengan catatan nota kaki dan diterbitkan semula dalam bentuk PDF oleh Syafiq Hadzir atas tujuan pengajian sejarah ketamadunan Melayu dan tanah air. Semoga dengan penerbitan hikayat ini, warisan sejarah dan bahasa ibunda kita semakin dihargai.

Judul:

Hikayat Merong Mahawangsa

Versi:

R. J. Wilkinson

Disemak Oleh:

Cik Farhannis Azhar

(PTSL UKM, UiTM Puncak Perdana)

Penafian:

Dengan ini saya membuat penafian terhadap sebarang pengeluar ulangan dari mana-mana bahagian isi Pengenalan, Catatan Bacaan Teks, Takrif Kata dan kandungan teks edisi ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa-apa cara jua yang terkandung di dalam naskah asal, Hikayat Merong Mahawangsa, ISBN: 983-9510-03-7.

Untuk tujuan penyemakan semula teks transliterasi yang dibuat, maka, pihak Syafiq Hadzir telah membuat perbandingan terhadap transliterasi dan faksimile yang diterbitkan oleh pihak Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.

Demikian, di sini penerbit menegaskan bahawa, Hikayat Merong Mahawangsa terbitan PDF oleh Syafiq Hadzir ini bukanlah sebahagian daripada Karya Agung: Hikayat Merong Mahawangsa yang diterbitkan oleh pihak Yayasan Karyawan dan Universiti Malaya, tahun 1998.

Penerbit (PDF):

Syafiq Hadzir

019-904 3852 (Whatsapp)

https://syafiqhadzir.com

inquiry@syafiqhadzir.com

Cetakan Pertama: 2018

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui e-mel dan pesanan ringkas aplikasi Whatsapp seperti yang tertera di atas.

Penerbit juga ingin menegaskan bahawa penerbit tidak terlibat di dalam apa sahaja bentuk perniagaan berkaitan penerbitan ini sebelum, selepas atau sewaktu buku ini diterbitkan semula ke dalam bentuk PDF.

Penghargaan:

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah saya menyiapkan dan menerbitkan Hikayat Merong Mahawangsa bab yang pertama ini ke dalam bentuk digital dalam usaha memupuk semangat cinta akan sejarah bangsa, bahasa dan tanah air kita, Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA, khususnya kepada pustakawan Cik Nordiana Tukijo dan Cik Izzati Lokman yang telah menyediakan bahan bacaan dan rujukan kepada saya untuk menyiapkan *eBook* ini.

Juga kepada pihak Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memuat naik beberapa naskah manuskrip yang menjadi rujukan saya dalam menyiapkan penerbitan ini.

Tidak kurang juga penghargaan yang saya berikan kepada pihak Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya kepada Encik Muhammad Zul selaku pembantu di Unit Pemeliharaan Dan Pendigitalan di Bahagian Teknologi Maklumat dan Prasarana Ilmu kerana telah banyak memberikan saya tunjuk ajar. Begitu juga kepada Cik Farhannis Azhar yang turut sama membantu menyemak semula ejaan-ejaan di dalam *eBook* ini.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada kedua ayahanda dan bonda termasuk semua yang terlibat dalam menanggung segala kos penerbitan ini, kepada isteri yang tercinta juga kepada anakanda yang disayangi kerana telah menjadi pembakar semangat saya dalam menyiapkan *eBook* ini.

Semoga Allah Subhanahuwataala memberikan balas yang lebih baik jua. Amin.

Buat Tokoh Kesusasteraan Melayu:
Dato’ Prof. Dr. Siti Hawa Binti Haji Salleh Ph.D

Semoga Allah senantiasa mengasihi dan menyayangi tokoh akademik Melayu kelahiran negeri Kedah ini, kerana tanpa beliau, tidaklah dapat saya menyiapkan PDF ini.

Besar sumbangan beliau terhadap warisan sejarah ketamadunan dan kesusasteraan bahasa bangsa ini.

Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

“Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan doa anak yang soleh”[1]

Dan semoga dengan penerbitan ini, segala setiap huruf di dalamnya, menjadi manfaat kepada beliau, Dato’ Prof. Dr. Siti Hawa Binti Haji Salleh, kerana hal ini juga termasuk di dalam ilmu yang bermanfaat.

1 Hadis riwayat Muslim no. 1631.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا وَأَكْرِمْ نُزُلَهَا وَوَسِّعْ مَدْخَلَهَا وَاغْسِلْهَا بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِّهَا مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبَ الأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا وَأَهْلاً خَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِها وَأَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ وَأَعِذْها مِنْ عَذَابَ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذابِ النَّارِ

"Ya Allah, Engkau kurniakanlah keampunan baginya, dan limpahkanlah rahmat keatasnya, dan selamatkanlah dia dan maafkanlah segala kesalahannya. Engkau muliakanlah kedudukannya, dan luaskanlah tempat tinggalnya, dan sucikanlah dia dengan air salji dan air yang sejuk. Engkau bersihkanlah dia daripada kekotoran dosa sebagaimana dibersihkan pakaian yang putih dari segala kekotoran. Dan gantikanlah rumahnya dengan rumah yang lebih baik, juga keluarga yang lebih baik daripada keluarganya dan pasangan yang lebih baik daripada pasangannya. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan lindungilah dia daripada seksaan kubur dan ujiannya serta jauhkan dia dari azab neraka." [2]

Dan mudah-mudahan Allah juga mengampunkan dosa saya sekeluarga dan kaum muslimin samada yang masih hidup ataupun yang sudah meninggalkan dunia ini. Amin.

---

2 Hadis riwayat Imam Muslim dalam Shahihnya, Kitab al-Janaaiz, no: 963.

Halaman awal Hikayat Merong Mahawangsa versi R. J. Wilkinson, manuskrip yang dijadikan teks dasar kajian ini. Maklumat yang diperoleh menyatakan bahawa naskhah ini tamat disalin pada 2 Rejab 1316 bersamaan 16 November 1898 oleh Muhammad Yusuf bin Nasruddin di Pulau Pinang. Versi ini dicetak batu oleh Kim Sik Hian Press, No. 78, Penang Street, atas kehendak R. J. Wilkinson Esquire, Acting Inspector of Schools, Straits Settlements. Penerbitan ini tersebar luas dan salah satu salinan tersimpan di Muzium Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah Darul Aman.


Sejuta Penghargaan:-



Universiti Teknologi MARA



Dewan Bahasa Dan Pustaka



Universiti Malaya (UM)

Sejuta Penghargaan:-



Universiti Kebangsaan Malaysia

Ebook Hikayat Merong Mahawangsa bab yang pertama ini telah berjaya diterbitkan ke dalam bentuk PDF pada tarikh 27 Disember 2018 dengan kerjasama pihak Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

حكاية
مروغ مهاوغسا

ورسي ر.ج. ويلكينسن

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين

Dengan nama Allah, Tuhan yang Amat Murah lagi yang Amat Mengasihani akan sekalian hambanya, segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam. *Wa sholatu wa l'salam 'ala nabiyyihi* [1], dan rahmat dan salamnya atas yang diambilnya akan Nabi Muhammad *inil-ladhi la nabiyyu ba'dah* [2], adapun Nabi Muhammad itu yang tiada ada nabi kemudian: *wa 'ala alihi wasahbihi'l-ladhi yujahiduna bihamdihi* [3], dan atas keluarganya dan segala Sahabatnya mereka itulah yang usahakan memuji dia. *Wa ba'da qala faqiru bil'fakhru wa'l-taqsir* [4], kemudian daripada itu, telah berkata fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya:

1 Ejaan asal pada manuskrip: والصلاة والسلام على نبيه

2 Ejaan asal pada manuskrip: ن الذي لا نبي بعده

3 Ejaan asal pada manuskrip: وعلى آله وصحبه الذي يجاهدون بحمده

4 Ejaan asal pada manuskrip: وبعد قال فقيرو باالفخر و التقصير

Adalah pada suatu masa zaman Sultan Muazzam Syah[5] ibnu Sultan Muzalfal Syah[6] yang maha mulia kerajaan negeri Kedah, pada suatu hari baginda keluar ke penghadapan, dihadapi oleh segala menteri, hulubalang[7] serta *'alim muta'allim* [8], maka fakir pun hadirlah mengadap baginda, penuh sesak di penghadapan itu membicarakan negeri dan mengkaji kitab. Setelah itu maka titah duli baginda yang maha mulia, junjungkan ke atas jemala[9] fakir, demikian titah yang maha mulia, *"Bahawa hamba pinta diperbuatkan hikayat pada tuan, peri* [10] *peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya boleh diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita ini, serta dikurniai dengan sejarahnya."*

---

5 Seri Paduka Sultan Muadzam Shah ibni al-Marhum Sultan Mudzaffar Shah I (1179 – 1201).

6 Seri Paduka Sultan Mudzaffar Shah I (1136 – 1179), raja Hindu terakhir dan sultan Islam pertama negeri Kedah. Nama baginda sebelum memeluk Islam adalah, Seri Paduka Maharaja Durbar II Raja Phra Ong Mahawangsa (c. 956 – 1136).

7 Hulubalang: ketua pasukan askar, pemimpin pasukan.

8 Ejaan asal pada manuskrip: عالم متعلم

9 Jemala: kepala; di atas ~ di atas kepala.

10 Peri: hal, keadaan, sifat; ~ peraturan sifat-sifat peraturan.

Setelah *faqiru'l-ladhi tarkibu 'ala jahil* [11], maka fakir pun perkejaplah[12] diri pada mengusahakan dia. Syahadan memohonkan taufiklah fakir ke hadrat Tuhan *shoni'u-l'alim* [13] dan meminta huruf kepada *sayyidu'l-anam* [14] dan meminta afwah[15] kepada keempat Sahabat yang akram. Hatta maka fakir pun mengaranglah hikayat ini, maka dinamai akan dia *Sulalatus Salatin* [16], iaitu peraturan segala raja raja. *Hadhihi dawa'iru'l akhbari wa ghururu'l-amthali* [17]. Inilah mutia[18] segala ceritera dan segala cahaya perumpamanya, maka barang siapa membaca dia janganlah dibicarakan lagi, terlalu amat sempurna bicaranya, kerana hikayat ini tahulah kami akan perkataan, kerana sabda Nabi Sallallahualaihiwasallam: *"tafakkaru fidhatillah"* [19][20] yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah, jangan kamu fikirkan pada zat Allah.

---

11 Ejaan asal pada manuskrip: فقير الذي تركب على جاهل

12 Kejap: tidak mudah tercabut, ketat, teguh; ~lah diri teguhlah diri.

13 Ejaan asal pada manuskrip: صانع العالم

14 Ejaan asal pada manuskrip: سيد الانام

15 Afwah: tuah (orang yg keramat).

16 Ejaan asal pada manuskrip: سلالة السلاطين

17 Ejaan asal pada manuskrip: هذه دوائر الاخبار وغرور الامثال

18 Mutia: mutiara.

19 Ejaan asal pada manuskrip: تفكرو في ذات الله

20 Hadis ini "*dhaif*". Matan penuh: تَفَكَّرُوا فِي آلَاءِ اللَّهِ وَلَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ

Ketahui olehmu kepada zaman dahulu kala dan pada masa yang telah lalu, kata yang empunya cetera[21] ini, maka adalah kepada suatu masa sedang zaman Nabi Allah Sulaiman alaihissalam naik jadi raja yang tetap di atas takhta kerajaan dikurnia Allah Taala di dalam dunia ini memerintahkan daripada segala makhluk khalayak yang berjenis-jenis bangsanya yang dijadikan Allah Subhanahuwataala di dalam dunia ini, dititahkan oleh Tuhan seru sekalian alam memerintahkan isi alam dunia ini di dalam hukum Nabi Allah Sulaiman alaihissalam, tiada boleh hendak melalui daripada hukumnya, baik daripada binatang yang melata di bumi dan yang terbang di udara, sekaliannya dalam hukuman Nabi Allah itu, beberapa banyak bukit, gunung, pulau yang menjadi pasak dunia ini yang didiami oleh makhluk.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan Pulau Langkapuri[22] itu. Selama peninggal perang Seri Rama[23] dan Anduman[24][25] jadi sunyilah pulau itu, tiada siapa-

---

21 Cetera: cerita, ceritera.

22 Dipercayai ianya merupakan nama asal Pulau Langkawi.

23 Seri Rama @ Ramachandra: jelmaan ketujuh Tuhan Vishnu.

24 Anduman @ Hanuman: dewa Hindu yang berupa seekor monyet.

25 Menurut Hikayat Seri Rama di dalam sebuah epik Hindu Ramayana, pertempuran di antara Seri Rama dan Anduman adalah disebabkan peristiwa penculikan Sita Dewi.

siapa duduk; maka datanglah seekor burung geroda[26] yang amat besarnya, ia itu asalnya daripada anak cucu Maharaja Dewata. Maka burung geroda itulah yang diam di pulau itu mencari makan. Maka burung geroda itu pun pada masa zaman Seri Rama dan Anduman biasa masuk perang, banyak juga kesaktiannya dan banyak juga segala binatang yang terbang dan berjalan di bumi takut akan dia. Maka pada suatu hari datanglah seekor burung rajawali kepada burung geroda itu, katanya, *"Adakah tuan hamba beroleh khabar bahawa raja Rom itu beroleh seorang anak laki-laki? Sekarang ini ia hendak meminang anak raja Benua China, kerana negeri kedua itu terlalulah jauhnya, sebuah negeri itu di sebelah matahari naik dan sebuah negeri di sebelah matahari mati* [27]*, maka kehendaknya raja Rom itu hendak mengantarkan anaknya itu berperahu dan berlayar."*

---

26 Burung gergasi. Menurut Dewan Siswa (Nov 2011), Ibnu Battuta pernah menceritakan seekor burung raksasa yang terbang di angkasa Laut China Selatan, saiznya terlalu besar sehingga kelihatan seperti gunung yang sedang terapung. Sumber: *Yule-Cordier*, *Cathay & the Way Thither IV* (1916:146), nota daripada Wittkower, 1938. Pengakuan tentang kewujudan burung gergasi ini juga turut dibuat oleh Marco Polo pada abad yang ke-13 berserta tokoh-tokoh yang lain.

27 Mati: terbenam; di sebelah matahari ~ matahari terbenam.

Maka kata burung geroda itu kepada burung rajawali, *"Mana tuan hamba beroleh warta ini?"*

Maka kata burung rajawali, *"Hamba beroleh warta daripada burung kakaktua, ialah yang melihat orang membawa utusan dan penumah* [28] *dari Benua Rom, hendak pergi ke Benua China. Maka hamba pun terbang melintas melihat kelakuan itu, nyatalah adanya seperti warta itu, kerana raja Rom itu hendak menunjukkan kebesarannya, mana yang tiada dapat dikerjakan oleh segala raja-raja di dalam dunia ini, ialah konon hendak mengadakan dan mengantarkan."*

Maka kata burung geroda kepada burung rajawali, *"Di mana dapat ia sekalian hendak mengerjakan pekerjaan itu? Pada fikirku tiada boleh jadi, tetapi nantilah dahulu, aku hendak pergi mengadap Nabi Allah Sulaiaman kerana ia itu raja besar di dalam alam dunia ini. Jikalau sudah ada seperti yang demikian itu, tiadalah ku beri jadi pekerjaan nikah keduanya anak raja dua buah negeri itu."*

Setelah didengar oleh burung rajawali kata burung geroda itu, maka ia pun bermohon kepada burung geroda lalu ia terbang.

---

28 Penumah @ Penomah: pemberian kpd bakal mentua.

Setelah itu maka burung geroda itu pun terbanglah naik ke udara sampai pergi mengaras awan udara, berasaplah kelihatan dunia ini.

Bahawa pada ketika itu datanglah seekor burung geroda yang terlalu amat besarnya turun mengadap Nabi Allah Sulaiman, sembahnya, *"Ya Nabi Allah, hamba dengar warta raja Rom menaruh seorang anak laki-laki dan raja Benua China ada menaruh seorang anak perempuan. Maka sekarang raja Rom itu hendak meminang anak raja Benua China. Konon akan rupa kedua anak raja itu terlalu amat eloknya, tiadalah lagi bandingnya akan rupa keduanya itu, dan kedudukan negeri itu terlalulah jauh, pada fikir hamba bukanlah jodo* [29] *pertemuannya."*

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *"Hai burung geroda, demi Tuhan yang menjadikan aku, adapun jodo pertemuan itu di dalam batu atau di dalam kayu sekalipun tiada yang dapat menceraikan dia."*

29 Jodo: jodoh, sesuai; @ jodoh.

Maka sembah burung geroda, *"Ya Nabi Allah, akan pekerjaan itu atas hambamulah menceraikan dia. Jika tiada dapat hamba menceraikan anak raja kedua itu nescaya hamba undurlah daripada bawah langit dan atas bumi daerah tempat kediaman segala manusia sekalian ini."*

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *"Baik, perbuatlah oleh tuan hamba barang kuasa engkau, tetapi pesanku kepada engkau tatkala sudah tetap engkau boleh menceraikan jodo pertemuan manusia itu, hendaklah engkau datang ke mari ceterakan kepada aku."*

Maka sembah burung geroda, *"Baiklah, ya Nabi Allah."*

Setelah sudah maka burung geroda pun bermohonlah kepada Nabi Allah Sulaiman lalu terbanglah ia pergi ke Benua China.

Hatta beberapa lamanya ia terbang itu, maka sampailah ke Benua China lalu dilihatnya segala perintah raja Benua China itu, nyatalah seperti warta burung rajawali itu adanya jadi berkahwin. Maka adalah kepada suatu hari pergilah tuan puteri anak raja Benua China itu bermain ke taman lalu memungut segala bunga-bungaan

dan buah-buahan. Setelah dilihat oleh burung geroda tuan puteri itu duduk di dalam taman memungut segala bunga-bungaan dan buah-buahan, lalu ia pun terbanglah menuju pergi kepada tuan puteri itu ke dalam taman. Serta sampai lalu disambarnya tuan puteri itu dengan mulutnya serta digenggam dengan kukunya yang kanan. Maka mak inang[30] tuan puteri serta dengan kundangnya[31] seorang budak perempuan, maka keduanya itu pun disambar dengan kukunya kaki kiri digenggamnya lalu dibawa terbang mereka itu menuju ke Pulau Langkapuri, halanya itu ke sebelah laut selatan.

Setelah sampai ke Pulau Langkapuri itu lalu dibawa turun kerana sudah ada tempatnya seperti rupa sebuah mahaligai[32]. Tempat itulah ditaruhkannya tuan puteri itu tiga dengan sahayanya[33], serta dicarinya makanan, dihantarkan kepada tuan puteri itu. Barang yang dikehendakinya dicari oleh burung geroda itu diberi akan tuan puteri dan sahayanya kedua itu.

---

30 Inang: perempuan yg menjaga dan melayan anak-anak (biasanya anak raja-raja atau anak orang besar-besar).

31 Kudang: budak pengiring (raja, orang bangsawan, dll).

32 Mahaligai @ mahligai: istana tempat kediaman raja (permaisuri atau putera-puteri raja).

33 Sahaya: abdi, hamba.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan raja Rom sedang dihadapi oleh segala raja-raja yang besar-besar yang bermahkuta[34], dengan segala menteri dan para penggawa[35], hulubalang, sida-sida[36], bentara[37], biduanda[38] sekalian, penuh sesak di balai paseban[39] agung, bermesyuarat bicara hendak mengantarkan anakanda baginda itu ke Benua China serta menghadirkan segala kelengkapan bahtera dan kapal yang mencari harapan akan ganti baginda itu. Maka adalah dalam banyak segala raja-raja yang duduk mengadap itu adalah seorang raja yang besar lagi bermahkuta, sahabat kepadanya, bernama Raja Merong Mahawangsa.

---

34 Mahkuta: mahkota; ber ~ bermahkota.

35 Penggawa: ketua kampung (daerah), penghulu.

36 Sida: gelaran orang daripada keturunan bangsawan. Sida-sida: pegawai dlm istana (semacam pendeta).

37 Bentara: pesuruh raja (yg menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan).

38 Biduanda: budak kundang, budak raja, hamba (suruhan) raja.

39 Balai paseban: balai besar.

Adapun raja itu ayahnya daripada indera-indera[40] dan bondanya itu asal daripada dewa-dewa. Maka terbukalah pintu hatinya gemar dan suka ia beristeri akan anak Raja Gergasi, kerana puteri itu kecil lagi baik rupa parasnya dan asal bondanya daripada raksasa. Maka jadi tiadalah suka ayah bondanya Raja Merong Mahawangsa akan dia beristeri akan tuan puteri itu. Maka oleh Raja Merong Mahawangsa, barang ke mana ia pergi dibawanya pergi isterinya itu bersama-sama dengan dia, tiada ditinggalkan dengan segala menteri, para penggawa, hulubalang, sida-sida, bentara, biduanda, rakyat sekalian, kerana Raja Merong Mahawangsa itu ia ketahui ilmu kesaktian dan ditakuti oleh sekalian raja-raja.

Maka titah raja Rom kepada Raja Merong Mahawangsa, *"Hai saudara hamba, hendaklah saudara pergi ke Benua China ganti hamba membawa pergi paduka anakanda ini, kahwinkan dengan anak raja Benua China."*

Maka sembah Raja Merong Mahawangsa, *"Baiklah, tuanku, barang yang dititahkan itu patik kerjakan, tuanku."*

Setelah itu maka sultan Rom pun menghadirkan sebuah bahtera akan kenaikan anakanda baginda itu

40 Indera: raja atau kerajaan. Raja-raja.

dengan segala anak menteri, penggawa, hulubalang, dengan empat puluh anak raja-raja dan sebuah bahtera akan kenaikan Raja Merong Mahawangsa dengan segala menteri, para penggawa, hulubalang, rakyatnya, mengiringkan anak raja Rom itu. Lain daripada bahtera dua buah itu beberapa pula banyak kapal dan keci[41] yang bersama-sama mengiring akan anak raja itu.

Hatta setelah sudah lengkap maka pada ketika hari saat yang baik, maka Raja Merong Mahawangsa pun mengangkatkan layar serta segala kapal dan keci yang serta bersama-sama mengiringkan itu semuanya disuruhkan naikkan segala layarnya. Maka segala kapal itu pun membongkarkan sauhnya serta menaikkan layar masing-masing lalu berlayarlah sekalian mengikut bahtera anak raja Rom dan bahtera Raja Merong Mahawangsa. Setengah dahulu, setengah kemudian, bertaburan penuhlah laut itu, menuju halanya ke Benua China.

Hatta beberapa lamanya berlayar daripada negeri Rom itu, maka sampailah ke tengah arungan[42] dengan beberapa melalui kuala negeri segala raja-raja yang takluk

41 Keci: (kéci) sejenis kapal layar empat persegi.

42 Arungan @ harung: laut yg boleh dilayari.

kepada raja Rom. Maka sekalian raja-raja itu pun datanglah mengantarkan makanan dan hadiah berbagai-bagai jenisnya, daripada sebuah negeri kepada sebuah negeri, kerana sekalian itu negeri yang besar-besar jua, takluk ke Benua Rom. Maka dengan hal yang demikian, pelayaran pun sampailah ke laut sebelah Hindustan. Maka terlalu banyak segala yang ajaib-ajaib dan yang indah-indah kelihatan pada mata sekaliannya itu. Maka dipintasi juga belayar merentas segala tanjung-tanjung, terlalulah ramainya berlayar itu.

Adapun pelayaran angkatan anak raja Rom hendak pergi kahwin ke Benua China itu adalah seperti burung terbang ke sarang dan tiangnya seperti batang pepara[43] lakunya, barang di mana berlabuh dan berhenti itu seperti pulau yang besar, serta dengan segala bunyi-bunyian pun dipalu oranglah, terlalu azmat[44] bunyinya seperti akan terangkatlah lautan itu, tambahan pula dengan bunyi bedil meriam pun terlalu banyak. Maka bahananya bunyi bedil meriam yang dipasang itu seperti bunyi guruh dan tagar[45], terlalu gempita, alamat di dalam laut itu tiadalah

43 Pepara: tumbuhan (rumpai), rumput sendayan.

44 Azmat: kuat sekali; hebat.

45 Tagar: (bunyi) guruh (guntur).

dengan kemasyghulannya[46] melainkan dengan kesukaan belaka. Barang di mana berjumpa dengan pulau, singgah berlabuh, naik ke daratan mengambil air dan kayu serta mandi sekalian dan memungut daripada ketam, siput, karangan[47], serta mengambil tali akar dan umbut[48] kayu, pucuk kayu, akan makanan segala yang bernafsu di dalam kapal bahtera; terlalulah kesukaan sekaliannya.

Adapun sekaliannya belayar itu tiada juga jauh daripada tanah daratan, hingga kelihatan jua daratan itu. Maka sampailah ke laut Kuala Canggung[49] namanya dan nama rajanya negeri itu Kelinggi[50]. Maka kelihatanlah pada mata sekalian datang teduh redum[51] dari sebelah matahari hidup[52] itu seperti hendak menimpa atas segala kapal, keci, bahtera. Maka tengah belayar itu datanglah kelam-kabut guruh petir dengan hebat dahsyat;

---

46 Masyghul: berasa dukacita kerana sesuatu, susah hati, murung, sedih; ke ~ an kesedihan.

47 Karangan: batu karang.

48 Umbut: pangkal pucuk batang pokok palma (kelapa, pinang, dll) yg lembut dan boleh di-makan.

49 Dipercayai Kuala Canggung ini terletak di sebuah kawasan di tanah Burma, juga dikenali sebagai Negara Kota Halingyi, bangsa Pyu.

50 Tidak dikenali siapa sebenarnya di sebalik watak “Raja Kelinggi” di dalam Hikayat Merong Mahawangsa ini. Seorang Raja Burma.

51 Redum: mendung, redup, suram (gelap); @ redam.

52 Hidup: Terbit; Di sebelah matahari ~ matahari terbit.

datangnya itu seperti pohon angin ribut yang besar rupanya. Maka bahtera kenaikan anak raja Rom pun mendekati kenaikan Raja Merong Mahawangsa. Maka titah anak raja Rom suruh bertanya: *"Apa juga yang datang di hadapan itu seperti hendak menimpa di atas segala perahu itu?"*

Maka Raja Merong Mahawangsa pun segeralah naik ke atas beranda bahteranya dengan alat senjatanya. Demi dilihat oleh Raja Merong Mahawangsa yang datang itu bukannya daripada angin ribut taufan, hanya bunyi sayap burung terbang juga, akan datang rupanya hendak merosakkan segala perahu yang dinaik sekaliannya. Maka Raja Merong Mahawangsa pun bertitah kepada sekaliannya suruh beringat-ingat alat senjata masing-masing tangan serta mengisi ubat bedil meriam, jangan dialpakan[53]. Demi didengar oleh sekaliannya titah Raja Merong Mahawangsa yang demikian itu, maka sekalian itu pun mengerahkan sekalian orangnya suruh beringat-ingat serta memegang senjata masing-masing tangan.

Adapun burung geroda itu setelah nyatalah angkatan anak raja Rom itu, maka datanglah marahnya lalu ia pun terbang datang menyambar, langsung

53 Alpa: lalai, kurang mengendahkan.

dihalakannya ke sebelah matahari jatuh. Maka Raja Merong Mahawangsa pun menarik busur anak panahnya yang bernama Ayu-ayunan itu ke udara, bergemuruhlah bunyinya seperti halilintar membelah. Maka segera ditepiskan dengan sayapnya, tiada kena. Maka segala yang memasang bedil meriam itu pun dipasangnya hala ke langit, tiadalah berhenti lagi; jikalau guruh petir di langit pun tiadalah kedengaran lagi, terlalulah azmatnya. Demi dilihat oleh burung geroda terlalu banyak alat senjata yang datang hendak mengenai dia, maka ia pun tiada ambil tahu kerana tiada memberi guna kepada burung geroda itu, habis berterbangan pergi hala ke lain, ke sana ke mari. Setelah demikian datang pula burung geroda itu serta menurunkan guruh hujan angin ribut, datangnya itu dari sebelah selatan, lantas ke utara. Demi dilihat oleh Raja Merong Mahawangsa hal kelakuan burung geroda itu kesaktian menurunkan hujan, angin ribut guruh petir itu, maka segeralah ia mengambil anak panah yang bernama Ayu-ayunan bicara menahankan angin ribut burung geroda itu, hujungnya merah seperti api. Demi ditariknya busurnya lalu dipanahkannya ke udara bergemuruh seperti taufan bunyinya di udara itu seketika lagi datanglah suatu gunung dari udara menahani daripada angin ribut taufan yang datang daripada burung geroda itu. Maka burung geroda itu pun

terlepaslah ia ke sebelah utara, mencarikan alpa anak raja Rom tiga buah bahtera itu, hendak dirosak tenggelamkan kapal anak raja Rom itu ke dalam laut. Maka daripada tiada berhenti datang senjata kena kepada tubuhnya burung geroda itu, maka ia pun tiada memberi guna kepadanya. Maka burung geroda itu pun ghaiblah terbang pergi halanya ke darat lantas ke hutan-rimba belantara. Maka Raja Merong Mahawangsa hendak membalas panah sekali lagi, tiada sempat kerana burung geroda itu terlalu cepat dan tangkasnya ia terbang itu. Maka hari pun malamlah, lalu berhenti sekaliannya pada malam itu.

Telah keesokan pagi harinya dinanti-nanti kalau-kalau datang burung geroda itu melanggar pula, tiada datang maka sekaliannya pun berlayarlah pula tiada juga jauh daripada daratan. Antara beberapa hari belayar sekaliannya itu dengan tempik sorak serta memalu segala bunyi-bunyian sepanjang-panjang laut, maka sampailah ke laut Kuala Tawai[54] namanya itu. Maka datanglah pula burung geroda itu dengan hebat dan garangnya seperti tiada berlawanlah kelakuan rupanya, datang dengan angin ribut, guruh petir, kilat sabung-menyabung. Maka oleh Raja Merong Mahawangsa segera disuruh

---

54 Lokasinya terletak di Tavoi, Myanmar. Kuala Tawai merupakan nama asal Tavoi sebelum bumi Melayu tersebut dijajah Burma.

kembarkan bahtera itu dengan bahtera kenaikan anak raja Rom itu. Maka segala kapal dan keci pun berlabuhlah berkeliling bahtera kenaikan dua buah itu, masing-masing memegang senjata. Maka Raja Merong Mahawangsa pun naiklah ke atas beranda bahteranya itu dengan alat senjata serta memegang panahnya yang bernama Berana Pura itu, bernyala-nyala api hujungnya, segera ditarik busurnya. Maka dikenakannya anak panah Berana Pura itu lalu dipanahkan naik ke udara, bergemuruhlah bunyinya. Maka turunlah anak panah itu menerbangkan segala yang kelam-kabut, zulmat[55] dan angin ribut, hujan itu pun habislah sekaliannya hilang. Maka kelihatanlah burung geroda itu sudah menerbangkan kapal tiga buah di dalam kelam kabut zulmat itu juga. Maka sorak tempik pun terlalulah azmat, tambahan dengan bunyi bedil meriam pun seperti bertih dan tagar di langit sekalipun tiada juga kedengaran kepada sangat azmat itu; hingga dengan kelam-kabut asap bedil jua di dalam banyak peluru meriam dan bedil itu dengan beberapa pula anak panah segala raja-raja seperti hujan yang lebat rupanya datang mengenai kepada tubuh burung geroda itu, suatu pun tiada singgah, habis bertabur dan berkibaran melayang di dalam laut itu: jika kena ke tubuh burung geroda itu, jangan pun hendak luka tubuhnya, bulunya pun tiada

55 Zulmat: gelap (kerana ribut), kegelapan.

luruh barang sehelai jua pun. Maka terlalulah ramai dengan tempik soraknya mereka itu, bergempita di dalam laut itu. Seketika lagi datang pula burung geroda itu terbang melayangkan dirinya seperti angin taufan yang besar bunyinya dan suaranya seperti bunyi guruh dan halilintar membelah. Maka tuli pekak telinga sekalian itu.

Maka Raja Merong Mahawangsa pun segera memanahkan dengan anak panahnya Berana Pura itu ke udara bergemuruh perginya hendak mengenai burung geroda itu, segera dikibarkannya dengan sayapnya, maka anak panah itu pun jatuh ke dalam laut lalu burung geroda itu pun menyambar pula tiga buah kapal itu dengan paruhnya dan kakinya kedua belah itu membawa terbang ke atas udara seperti tangkas tiada sempat melihat rupanya daripada sangat tangkas itu, seperti angin ribut taufan yang besar. Maka rosaklah enam buah kapal itu, tenggelam, orangnya habis mati, tiada lagi hidup. Di dalam itu pun susah juga burung geroda itu hendak memintaskan segala angkatan anak raja Rom itu, langsunglah burung geroda itu terbang ke hutan rimba gunung mencari bicara hendak merosakkan kenaikan anak raja Rom itu.

Sebermula segala kapal dan bahtera kenaikan anak raja Rom itu dinanti-nantinya serang langgar geroda itu, tiadalah akan datang maka hari pun malamlah. Maka berkampunglah sekaliannya bersatu pula sementara hari hendak siang. Telah keesokan harinya, maka sekaliannya pun berlayarlah serta membaiki segala tali akar yang rosak binasa itu. Jadi kemasyghulanlah anak raja Rom dan Raja Merong Mahawangsa melihat kapal dan keci banyak yang habis rosak dengan orangnya sekali habis binasa, tiada kelihatan barang seorang pun.

Antara beberapa hari lamanya sekaliannya belayar itu, maka sampailah ke laut Kuala Parit[56] namanya. Maka kelihatan pula kelam-kabut turun dengan hujan, angin ribut yang amat gemuruh jadi gemparlah segala isi kapal dan keci dan bahtera itu pun berkampunglah jadi suatu pula, serta melabuhkan sauhnya masing-masing, serta memegang alat senjata pada segenap tangan dan berjaga tali akar dan mengisi ubat segala bedil meriam. Maka Raja Merong Mahawangsa pun terlalulah sebal[57] hatinya melihatkan kelakuan burung geroda itu hendak membinasakan ia sekalian itu. Lalu ia segera naik ke atas beranda itu serta memegang panahnya yang bernama

---

56 Berkemungkinan ianya kuala Sungai Irrawaddy.

57 Sebal: ~ hati berasa dongkol atau marah dlm hati.

Pusar Sempani Gembira, anak panah itu merah menyala-nyala api hujungnya. Katanya, *"Hai Pusar Sempani Gembira, pergilah engkau lawan burung geroda itu."* Maka segeralah ditariknya busur panah itu lalu dibubuh anak panah, dipanahkan naik ke udara, bergemuruh bunyinya seperti taufan. Seketika keluarlah kelam-kabut, datanglah hantu syaitan di dalam kelam-kabut itu, menyakiti burung geroda itu. Maka burung geroda pun sudah diketahuinya anak panah Pusar Sempani Gembira namanya. Maka segera dikiraikan oleh burung geroda dengan sayapnya serta menerkam datangnya itu menyambar tiga buah kapal dan keci dengan mulutnya dan kukunya, diterbangkan ke udara menghambatkan segala kaum syaitan dan hantu kesaktian itu dan segala bedil dan tikam dan panah anak raja-raja yang seperti hujan yang lebat mengenai pada tubuh geroda itu, dengan tempik soraknya terlalu gempita bunyinya, seperti guruh di langit bahananya; itu pun tiada memberi gentar dan dahsyat di hati burung geroda itu, sebagai jua ia datang mengusir hantu syaitan itu. Seketika habislah sekaliannya hilang, cerah terang sampai ke dalam laut. Maka kapal yang tergonggong di paruhnya dan yang tergenggam kepada kakinya itu pun habislah bertaburan dan berpecah-pecah pada segala laut itu dan setengah jatuh segenap hutan

rimba, habislah luluh lantak segala tulang jadi serbuk sekalian.

Demi dilihat oleh Raja Merong Mahawangsa hal anak panahnya itu terus tiada jua memberi bekas pada burung geroda itu, maka terlalulah marahnya lalu dibalasnya pula suatu anak panahnya, dipanahkan naik ke udara, bergempita gemuruh bahananya di dalam laut itu. Seketika datanglah seekor burung jentayu[58] mengambat burung geroda. Maka burung geroda itu pun sudahlah ia ketahui bahawa anak panah itu juga menjadi burung jentayu itu. Maka bertemulah keduanya, menyambar dengan paruhnya, berkibar-kibaran dengan sayapnya, terlalulah amat berdahanam[59] gemuruh bunyinya di udara itu. Hairanlah segala yang melihat burung kedua itu berperang; jikalau burung geroda di atas burung jentayu memagut-magut[60], serta keluar dari mutunya api menyala-nyala. Terbakarlah burung jentayu itu lalu hilanglah kembali kepada tarkasynya[61]. Maka sekali lagi hendak dibalas oleh Raja Merong Mahawangsa, hari pun sudah malam. Maka burung geroda itu pun duduk menanti kalau-kalau datang pula senjata Raja Merong

58 Jentayu: burung yang selalu berseru meminta hujan.

59 Dahanam: bunyi yg kuat, bergempa.

60 Memagut: mematuk (ular, burung, dll), mencatuk.

61 Tarkasy: lubang tempat menyimpan anak panah.

Mahawangsa, tiada jua datangnya. Lalu ia pun pulanglah terbang ke gunung berhenti akan lelahnya, serta mencari akan kira-kira hendak membinasakan segala kenaikan anak raja Rom itu kerana banyak sangat raja-raja yang kesaktian bersama-sama dengan anak raja Rom. Itu pun dapat jua ia melawan melainkan Raja Merong Mahawangsa itu juga, susah sedikit hatinya hendak melawan akan dia itu kerana ia raja kesaktian, terlebih daripada segala raja-raja yang lain pada zaman itu. Maka burung geroda itu pun duduk diam mencari alpa hendak dirosakkan juga.

Adapun akan anak raja Rom dengan Raja Merong Mahawangsa itu pun berkampunglah pada malam itu serta menanti burung geroda itu kalau-kalau datang melanggar ia sekalian, tiada jua akan datang. Lalu berlayarlah pula daripada laut Kuala Murib[62] menuju susur daratan jua. Antara berapa hari lamanya belayar itu lalu kelihatanlah pula Pulau Salang[63] antara Laut Bangtafan[64] namanya. Oleh Raja Merong Mahawangsa disuruh orang pergi kepada anak Raja Rom itu

62 Kuala Murib @ Moulmein yang merupakan kuala Sungai Salween..

63 Dipercayai Pulau Salang ini adalah nama asal bagi Phuket (atau nama Melayunya Pulau Tanjung Salang).

64 Tidak diketahui di mana akan tetapi penyunting mengagak ianya adalah laut di antara Aceh dan Langkawi-Phuket.

mengatakan ia sebuah bahtera itu hendak singgah kepada pulau itu kerana keputusan air dan kayu dan segala kenaikan anak Raja Rom itu pun sekaliannya, *“Janganlah berhenti. Berlayarlah kerana burung geroda tiada sudah ia mari melanggar kita lagi kerana banyaklah hari sudah tiada. Kalau ia hendak datang selama ini datanglah sudah melanggar kita lagi seperti yang telah lalu itu.”*

Maka utusan yang disuruh oleh Raja Merong Mahawangsa itu pun belayarlah pergi menujukan bahtera anak raja Rom itu, serta sampai lalu disembahkan seperti titah Raja Merong Mahawangsa itu kepada anak raja Rom itu. Maka titah anak raja Rom kepada orang itu, *“Baiklah.”*

Maka utusan itu pun menyembah lalu kembali kepada Raja Merong Mahawangsa dimaklumkan seperti titah anak raja Rom itu. Maka Raja Merong Mahawangsa pun singgahlah kepada suatu pulau mengambil air. Maka anak raja Rom sekalian itu pun belayarlah menuju kepada Tanjung Hujung Salang[65]. Maka kapal dan keci sekalian pun mengiringkan bahtera anak raja Rom itu.

---

65 Lokasinya berkemungkinan terletak di Pulau Langkawi.

Hatta, tiada beberapa lamanya belayar, adalah kira-kira sehari semalam lagi hendak sampai ke Pulau Langkapuri itu, maka terlihatlah kepada burung geroda angkatan pelayaran anak raja itu, lalu dinantikan hari malam. Setelah itu bahtera Raja Merong Mahawangsa pun singgah kepada suatu pulau mengambil air kayu. Maka geroda pun datanglah seperti ribut taufan yang teramat besar, menyambar dan memukul dengan sayapnya dan menendang dengan kakinya kepada bahtera anak raja Rom itu hingga habislah karam tenggelam segala kapal dan keci itu, orang pun banyaklah mati daripada yang hidup, bertaburan sepanjang laut itu. Maka tatkala itu anak raja Rom pun berpegang pada suatu papan di dalam laut itu dengan seorang dirinya. Habislah binasa segala kapal dan keci serta sekalian bahtera anak raja Rom itu, pada sangka hati burung geroda itu matilah sudah anak raja Rom itu. Maka ia pun kembalilah ke Pulau Langkapuri.

Adapun akan Raja Merong Mahawangsa setelah hari sudah siang lalu ia pun berlayarlah menurut anak raja Rom itu adanya. Syahadan, tiada berapa lamanya belayar itu sampailah kepada tempat anak raja Rom rosak itu, lalu bertemu dengan orang berenang, diambilnya dan bertanya. Maka dihikayatkan orang itu segala halnya yang

dibinasakan oleh burung pada malam tadi. Demi didengar oleh Raja Merong Mahawangsa yang demikian itu maka disuruh layar kapal pergi mencari kalau-kalau bertemu dengan anak raja Rom itu. Maka dicarikan oranglah tiada berjumpa sehingga bertemu dengan orang lain juga, bertaburan pada segala laut itu.

Hatta berapa hari lamanya anak raja Rom itu tiada berjumpa dengan siapa-siapa jua pun. Maka Raja Merong Mahawangsa pun terlalulah masyghulnya kerana ia suatu harapan yang besar kepada sultan Rom itu. Litarlah[66] sudah disuruh cari pada segala menteri, para penggawa, hulubalang sekalian tiada juga bertemu. Maka Raja Merong Mahawangsa pun belayarlah pula hala ke sebelah timur dengan bahteranya menyusur daratan tanah besar itu sambil mencari anak raja Rom itu.

Hatta, dengan hal yang demikian maka sampailah kepada suatu teluk dengan suatu tanjung. Maka Raja Merong Mahawangsa pun bertanya pada seorang *muallim* [67] yang tua di dalam bahteranya itu. Maka katanya, *"Bahawa pulau yang besar itu baharu hendak bersuatu*

66 Litar: bergerak berkeliling dr satu tempat ke tempat lain; ~ lah sudah berkelilinglah sudah.

67 Ejaan asal pada manuskrip: معلم

dengan daratan itu bernama Pulau Seri [68] *dan suatu pulau yang kecil itu bernama Pulau Jambul* [69] *dan ke daratnya sedikit bernama Pulau Lada* [70]*, tuanku."*

Maka titah Raja Merong Mahawangsa. *"Jikalau demikian singgahlah berlabuh kita di tanjung pulau itu."*

Maka belayarlah bahtera itu menuju tempat yang dititah oleh Raja Merong Mahawangsa itu. Setelah sampai maka berlabuhlah bahtera itu.

Maka Raja Merong Mahawangsa pun dengan segala menteri hulubalang naik ke darat. Maka tatkala itu datanglah kaum gergasi, orangnya besar-besar, terlalu banyak terlalu baik datang mengadap Raja Merong Mahawangsa. Maka Raja Merong Mahawangsa pun sudah ketahui bangsanya gergasi lalu ditegurnya dengan manis suaranya mengambil hatinya. Maka segala kaum gergasi itu pun takutlah akan Raja Merong Mahawangsa itu serta hebat sikapnya tiada berlawan pada zaman itu dan yang melihat akan dia itu takut dan gentar sekaliannya daripada segala bangsa. Maka titahnya kepada segala

---

68 Tidak diketahui lokasinya.

69 Tidak diketahui lokasinya.

70 Tidak diketahui lokasinya.

kaum gergasi yang datang itu, *"Adapun beta singgah di sini ini jikalau baik-baik bicaranya mahulah beta duduk berhenti di sini dahulu sementara menanti mengambil khabar anak raja Rom itu, kalau-kalau ada hidupnya."*

Maka sembah segala kaum gergasi itu, *"Patik sekalian pun lebih lagi kesukaan kerana patik sekalian ini tiada menaruh raja pada tempat ini. Jikalau demikian baiklah duli tuanku cuba berangkat melihat tanah ini yang patut tempat hendak duduk."*

Maka Raja Merong Mahawangsa pun berjalanlah hendak melihat susuk tanah tempat hendak diperbuat kota parit balai istana diiringkan oleh kaum gergasi dengan segala menterinya lalu bertemulah dengan tanah bumi yang baik, terlalulah indah tempatnya dengan tanahnya, menjadi tiadalah turun ke bahteranya, gila dengan membuat kota istana dengan balainya yang terlalu amat besarnya lagi dengan indahnya. Setelah sudah balai itu maka dinamai akan dia *"Langkasuka"* kerana mengerjakan itu dengan makan minum dan bersuka-sukaan serta dengan beberapa binatang jenis-jenisnya daripada rusa, kijang, pelanduk, napuh[71], sapi dengan segala perburuan yang dimakan oleh sekaliannya.

71 Napuh: pelanduk besar, Tragulus napu.

Terlalu amat kesukaannya serta dengan tepuk tarinya segala kaum itu kerana mereka itu tiada beraja, hanya berpenghulu sahaja dan lagi pula dengan baik bahasanya Raja Merong Mahawangsa itu. Setelah sudah lengkap kota istana, kemudian segala menteri hulubalang pun masing perbuatlah rumah dan kampung, diaturnya berkeliling kota rajanya. Setelah sudah sekaliannya itu, maka masing-masing pun datanglah mengadap rajanya sehari-hari.

Maka termasyhurlah Raja Merong Mahawangsa itu sudah duduk menjadi raja pada tempat itu. Maka segala dagang senteri[72] pun berhimpunlah datang berniaga ke dalam negeri itu. Dengan baik budi bahasanya baginda itu serta dengan menteri sekalian itu tiadalah merasai kesakitan segala rakyat mencari makan pergi mari ke negeri. Maka banyaklah orang yang telah pindah dengan anak isterinya pergi duduk bersama-sama Raja Merong Mahawangsa; makinlah bertambah-tambah rakyatnya daripada sebulan kepada sebulan, daripada setahun kepada setahun, makin banyak segala orang pindah ke negeri itu. Maka tetaplah Raja Merong Mahawangsa di atas takhta kerajaan dengan adil murahnya. Demikianlah diperintahkan oleh baginda itu, tiadalah lagi berubah

72 Senteri: Orang yg kuat beribadat.

melainkan bertambah-tambah kebajikan di dalam negeri itu.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan anak raja Rom di atas papan sekeping ia bergantung, tiada makan dan tiada minum, kurus kering tubuh badannya dengan dihinggap oleh kapang[73] dan teritip[74] pada segala badannya; datang pasang disorong oleh pasang dan datang surut dibawa surutnya, dengan dijulang pula oleh ombak angin. Dengan hal yang demikian itu jatuhlah di celah batu yang di Pulau Langkapuri itu dengan letih-lesunya dan lapar dahaganya. Maka mengerang pun tiada kedengaran suara lagi kerana sangat daif[75] itu.

Maka adalah kepada suatu hari ketika burung geroda itu pergi mencari makan, tiada ia di pulau itu, maka turunlah tuan puteri anak raja China itu serta dengan inang pengasuhnya datang ke tepi laut itu mencari ketam siput di susur pantai itu. Tiba-tiba kedengaranlah bunyi suara orang mengerang perlahan-lahan. Maka titah tuan puteri kepada inangnya, *"Aku*

---

73 Kapang: berkapang bercendawan, berlapuk.

74 Teritip: siput laut yg kecil yg suka melekat pd perut perahu atau pd tiang-tiang yg terendam dlm air laut.

75 Daif: cacat, hina, lemah.

mendengar bunyi suara orang mengerang. Pergilah mak inang cari beri bertemu juga dengan suara itu.”

Setelah ratalah sudah dicarinya lalu bertemulah dengan manusia yang tiada berketahuan rupanya, penuh dengan kapang segenap tubuhnya, matanya juga terkelip-kelip. Maka inang itu pun terkejutlah lalu berlari-lari kembali pada tuan puteri mengatakan hal itu. *“Maka patik lihat akan dia tiada boleh patik sembahkan yang khusus kepada tuan puteri kerana patik takut hendak pergi melihat hampirnya dengan sebab rupanya tiada berketahuan orangkah atau jin syaitankah?”*

Maka tuan puteri pun tersenyum mendengar sembah inangnya itu. Maka titah tuan puteri, *“Hai mak inang, pergi juga gagah lihat baik-baik, manusiakah atau bukan. Jika manusia boleh kita mengambil khabar.”*

Maka oleh inang itu daripada tiada berdaya, maka ia pun pergilah pula dengan digagahnya serta dihampiri lalu duduk dekat bertanya, katanya, *“Siapa tuan ini? Berkata benar-benarlah, jinkah atau manusiakah?”*

Maka sahut anak raja Rom itu dengan perlahan-lahan, *“Hai ibuku, bahawa dengan sesungguhnya beta ini*

manusia juga. Betalah anak raja Rom, hendak pergi kahwin dengan puteri anak raja Benua China dengan beberapa banyak bahtera, dan kapal keci kenaikan beta habislah diserang oleh geroda, dibinasakan sekaliannya. Maka dengan sebab itulah, hai ibuku, jadi yang demikian ini."

Maka mak inang tuan puteri itu pun terlalulah belas kasihan hatinya mendengarkan hal anak raja Rom itu lalu ia pun kembali pada tuan puteri persembahkan hal itu sekaliannya dengan suka tertawanya. Maka tuan puteri pun tunduk sambil tersenyum. Setelah itu maka tuan puteri pun bertitah kepada mak inang itu, *"Hendaklah segera mak inang pergi ambil anak raja itu sembunyikan sebelum datang burung geroda itu. Siapa tahu kalau terlihat kepadanya, tentulah mati anak raja itu, dan hendaklah jangan mak inang beri akan dia nasi yang berbiji, berilah air nasi sahaja dahulu supaya segar sedikit serta mak inang mandikan dia."*

Maka inang itu pun pergilah dua dengan budak kundang tuan puteri itu, mengusung anak raja itu masuk ke dalam suatu gua lalu ditutup dengan batu yang kecil-kecil kepada pintu gua itu supaya jangan dilihat oleh geroda itu. Maka air pun diangkatlah dua-dua orang, dimandikan dan dikikisnya buang segala kapang dan

teritip pada segala tubuhnya itu, serta diberi oleh mak inang kain yang dipakainya. Maka pada hematnya waktu ketika burung geroda itu datang baharulah hendak dikatupkan pintu gua itu. Lalu keduanya pun kembalilah mengadap tuan puteri itu. Demikianlah tiap-tiap hari mak inang itu memeliharakan anak raja Rom dengan tiada diketahuinya oleh geroda itu, daripada sehari kepada sehari makin bertambah baik rupa parasnya dan badannya pun kuatlah.

Maka tatkala bolehlah anak Raja Rom itu makan minum seperti sediakala, rupa parasnya pun baliklah seperti selamanya, hanya yang kurang pakaian juga. Maka sembah mak inang kepada tuan puteri, *"Pada fikiran patik, tuan puteri, nyatalah anak raja Rom, patut sangat dengan budi pekertinya dan perkataannya, bertambah-tambah pula dengan rupa parasnya daripada sehari kepada sehari, berlainan daripada anak raja yang kebanyakan di Benua China atau anak raja lain-lain pun. Hanya sayang sedikit dengan sebab tiada diberi pakaian sahaja."*

Maka titah tuan puteri, *"Hai mak inang, sabarlah dahulu, nanti datang burung ke mari kita pinta kepadanya segala pakaian."*

Setelah hari pun malam, maka burung geroda itu pun datanglah mengantarkan makanan akan tuan puteri. Maka kata tuan puteri, *"Hai nenekku burung geroda, betapa nenekku bawa akan kami ketiga ini ke sini memberi kesakitan di atas kami? Bahawa sesungguhnya nenekku memberi makan dengan serba aneka makanan sekalian ada, tetapi segala pakaian aku hendaklah nenek ambil beri, bolehlah aku bersalin hal kami ketiga orang ini."*

Maka burung geroda pun tertawa mendengar kata tuan puteri itu serta berkata, suaranya seperti halilintar membelah dari langit, *"Hai cucuku, tiada apa yang nenek hendak berbuat di atas cucuku yang tiga berhamba ini, hanya nenek menanti janji dengan Nabi Allah Sulaiman jua. Tiada berapa lamanya nenek hendak kembalikan cucuku kepada ayah bonda cucuku di Benua China. Maka sekarang ini di mana jua tempatnya segala pakaian cucuku, di dalam istana ayah bonda cucuku di Benua China itukah ada atau kepada tempat yang lainkah? Hendaklah cucuku katakan kepada nenek supaya boleh nenek pergi ambil beri akan cucuku."*

Maka kata tuan puteri, *"Hai nenekku, adalah di dalam istana besar ayahku raja di Benua China itu, di dalam suatu bilik yang berdinding cermin itu, ada suatu peti besar*

yang bersendi gading dan bersendi dengan permata-permata yakut [76]*, di situlah sekalian ada pakaianku. Jikalau ada boleh nenekku ambil beri akan daku, maka terlalulah kesukaan hati ketiga orang ini."*

Maka kata burung geroda, *"Baiklah, hai cucuku, biarlah nenek pergi ambil beri kepada cucuku. Jangan seperti istana ayah bonda cucuku di Benua China itu, jika terlebih sukar daripada tempat itu pun kehendak cucuku, itu pun nenek pergi ambil jua, apatah bahananya kepada nenek yang demikian itu."*

Maka tuan puteri pun terlalulah sukacitanya mendengar kata burung geroda itu. Setelah sudah burung geroda itu berkata-kata dengan tuan puteri itu maka ia pun terbanglah pergi halanya ke Benua China ditujunya. Setelah sampailah ia terbang ke Benua China lalu ia bertengger[77] pada suatu gunung berhentikan lelahnya seketika. Lalu terbanglah pula ia pergi menuju mahaligai Raja Benua China itu serta ia menurunkan angin ribut, taufan, hujan, kilat, guruh, petir halilintar serta dengan kelam-kabut zulmat berdahanam bunyinya tiada siapa mengenal siapa lagi. Maka tatkala itu Raja Benua China

---

76 Yakut: Sejenis batu permata.

77 Tengger @ tenggek: Ber ~ duduk pada tempat yg ketinggian.

pun tengah ramai dihadap oleh segala menteri, hulubalang, para penggawa, sida-sida, bentara biduanda sekalian, penuh sesak dengan rakyat bala tentera di balai paseban agung hendak mendengarkan surat dari Benua Rom bertanya khabar anaknya sampai atau tidak.

Adapun orang membawa surat itu berjalan tiba-tiba datang angin ribut taufan itu yang amat besar serta dengan hujan yang teramat lebat. Maka segala yang duduk hampir itu pun tiada berkenalan lagi dibuat oleh kelam-kabut itu; menjadi haru-haralah sekalian mereka itu, terkejut masing-masing hingga dengan memeliharakan dirinya. Habis bergoncang balairung raja itu, terlalulah amat hebat dan dahsyatnya, pekak tuli telinga segala yang mendengar itu. Maka dilihatlah oleh burung geroda itu sekalian orang itu di dalam darurat belaka, ke sana ke mari tiada berketahuan. Maka burung geroda pun turunlah di dalam kelam zulmat itu menuju istana besar itu serta mencabut suatu papan[78] dinding istana itu, menghulur kepalanya mengangkatkan peti itu dengan paruhnya seperti yang dipesan oleh tuan puteri itu, tiadalah bersalahan lagi. Setelah dapat sudah peti itu maka ia pun terbanglah kembali ke atas udara seperti angin yang maha tangkas menuju ke Pulau Langkapuri itu.

78 Ejaan asal pada manuskrip: بنتي

Maka tiadalah berapa lamanya ia terbang itu sampailah ke hadapan tuan puteri itu lalu meletakkan peti itu di hadapan tuan puteri. Demi dilihat oleh tuan puteri petinya sudah datang itu maka terlalulah suka hatinya serta menerkam dan mencapai petinya itu dengan anak kuncinya kerana ada sedia terduduk di tubuh tuan puteri itu, lalu diambil oleh tuan puteri segala pakaiannya yang digemarnya, bertimbun-timbun dihantarkan di hadapannya. Maka burung geroda itu pun terbanglah naik ke atas mercu pulau itu bertengger ia berhentikan lelahnya.

Telah keesokan harinya maka burung geroda itu pun terbanglah ke darat mencari makan. Maka peninggal burung itu maka tuan puteri pun mengambil seperenggu[79] pakaiannya daripada jenis peterana[80] yang keemasan Iengkap dengan alatnya pakaian segala raja-raja, disuruhnya mak inangnya hantarkan kepada anak raja itu. Maka oleh inang itu pun dibawakan pergi segala pakaian serta dengan nasi sekali akan anak raja Rom. Serta sampai inang itu kepada anak raja itu lalu dihantarkan segala pakaian dan nasi ke hadapannya lalu ia menyembah anak raja itu. Maka anak raja itu pun

79 Seperenggu @ Seperanggu: selengkap (pakaian dll).

80 Peterana: bangku tempat duduk pengantin atau raja-raja.

terlalulah sukacitanya beroleh pakaian itu lengkap sekalian itu.

Setelah datanglah antara enam tujuh harinya pada ketika burung geroda itu tiada ia pergi mencari makan, maka anak raja Rom itu pun datanglah menghadap tuan puteri, dibawa oleh mak inang. Serta dilihat oleh tuan puteri akan anak raja Rom, maka ia pun tunduk kemalu-maluan rupanya akan anak raja Rom itu. Maka anak raja Rom itu pun jatuhlah hatinya, jadi tiadalah takut keduanya itu akan burung geroda itu. Maka apakala hari hampir petang pada ketika burung geroda itu akan kembali maka keduanya itu pun berpeluk, bercium bertangis-tangisan keduanya. Setelah sudah maka anak raja Rom itu pun kembalilah pergi ke dalam gua tempat duduknya itu, dihantarkan oleh inang tuan puteri itu serta dengan segala makanan anak raja itu hendak makan pada malam itu. Setelah sudah sampai ke dalam gua itu, maka segala makanan itu pun dihantarkanlah ke hadapannya, serta menangis belas hatinya memandang hal keduanya. Lalu ia menyembah keluar dari dalam gua itu sambil menutupkan pintu gua itu dengan batu. Lalu ia pun kembalilah kepada tuan puteri, didapatinya tuan puteri pun sedang menangis berkenangkan untung nasibnya. Serta dilihat inangnya maka segera disapukan air matanya. Duduk seketika,

burung geroda itu pun datanglah membawa makanan akan tuan puteri tiga berhamba itu. Setelah sudah dihantarkan makanan, maka ia pun terbanglah naik ke atas mercu pulau itu.

Demikianlah kelakuannya tuan puteri dan anak raja Rom itu tiap-tiap hari. Burung geroda itu pun tiadalah khali[81] lagi ia menghantarkan makanan akan tuan puteri tiga berhamba itu, tetapi tiada diketahui oleh burung geroda itu bahawa anak raja Rom itu ada hidup, tiada mati, dan peri ia hanyut pergi jatuh ke pulau itu dan peri tuan puteri bertemu dengan anak raja rom itu.

Hatta, beberapa lamanya maka pada suatu hari kata burung geroda kepada tuan puteri, *"Hai cucuku, tinggallah cucuku duduk baik-baik, nenek hendak pergi mengadap Nabi Allah Sulaiman."*

Maka kata tuan puteri, *"Baiklah, hai nenekku."*

Setelah itu burung geroda itu pun terbanglah naik ke udara sampai mengaras awan lalu menuju pergi kepada tempat Nabi Allah Sulaiman. Setelah sampai langsung tunduk menyembah Nabi Allah Sulaiman. Maka

81 Khali: diam (tidak berbuat apa-apa).

sabda Nabi Allah, *"Hai burung geroda, apa khabarnya yang engkau berjanji hendak pergi perbuat? Adakah dapat engkau perbuat seperti cakapmu itu atau tiadalah?"*

Maka sembah burung geroda, *"Ya Nabi Allah, setelah sudahlah hambamu kerjakan seperti kehendak hambamu itu."*

Maka sabda Nabi Sulaiman, *"Betapa perinya perbuatan engkau atas kedua anak raja dua buah negeri itu?"*

Maka sembah burung geroda, *"Adalah hambamu ambil anak raja Benua China tiga berhamba perempuan ketiganya, hamba bawa pergi ke Pulau Langkapuri, hambamu duduk-duduk diam itu, ya Nabi Allah; serta hambamu peliharakan, cari beri segala makanan akan dia tiap-tiap hari tiada lagi khalinya, serta hambamu ambil pula beri segala pakaiannya suatu peti yang besar. Tiadalah hambamu beri ia kesakitan di atas ketiga orang itu, duduk dengan kesukaan jua, ya Nabi Allah."*

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *"Adakah anak raja Rom itu belayar pergi ke Benua China itu atau tidak?"*

Maka sembah burung geroda, *"Ya Nabi Allah, dengan beberapa banyak kapal dan keci bahtera dialatkan oleh raja Rom itu serta dengan raja yang besar-besar serta pula ada seorang raja yang sangat besar lagi pula dengan kesaktiannya bernama Raja Merong Mahawangsa, jadi harapannya membawa anaknya sebuah bahtera kenaikannya dengan menteri, hulubalang rakyat sekalian. Maka belayarlah anak raja itu diiring oleh Raja Merong Mahawangsa serta segala kapal keci yang banyak itu pun belayarlah sekaliannya. Hatta apabila sampai pada pertengahan jalan lalu bertemu dengan hambamu. Maka hambamu pun merosakkanlah sekalian kapal-kapal kenaikan mereka itu sekalian sehingga karam tenggelam ke dalam laut itu, habislah mati orang berhamburan pada segenap laut itu, tiada lagi hidup barang seorang jua pun."*

Maka Nabi Allah Sulaiman pun tertawa memandang pada segala menterinya. Maka segala orang besar-besar yang ada mengadap Nabi Allah Sulaiman itu pun suka tertawa gelak-gelak mendengarkan sembah burung geroda itu mengatakan sudah habis mati itu. Tiada sekali-kali ia berpegang pada kuasa Tuhan seru sekalian alam.

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman pada burung geroda itu, *"Kalau-kalau ada hidup, apa jua katamu?"*

Maka sembah burung geroda, *"Jikalau ada hidup anak raja Rom itu serta bertemu dengan anak raja China yang perempuan tiga berhamba itu, bahawa sesungguhnya tiadalah hambamu ubahkan seperti janji hambamu daripada zaman ini hendak berundur diri daripada segala kaum sifat manusia itu dan di manakan boleh hambamu mungkirkan janji hambamu dengan Nabi Allah hendak undur dari bawah langit dan atas bumi yang didiami oleh segala manusia, ya Nabi Allah. Beranikah hambamu membuat dusta kepada Nabi Allah?"*

Maka Nabi Allah Sulaiman tersenyum mendengar sembah geroda itu. Maka sabda Nabi Allah Sulaiman kepada raja jin yang bernama Harman Syah, *"Hendaklah tuan hamba suruh akan menteri tuan hamba barang seratus orang pergi ambil puteri anak raja China itu. Maka hendaklah dibubuh ke dalam petinya ketiga berhamba itu serta dengan anak raja Rom itu. Pada ketika ini juga mahu sampai sekalian itu mari di hadapan hamba."*

Setelah demikian maka Raja Jin Harman Syah pun menyuruhlah pada menterinya serta seratus jin bersama-

sama pergi mengambil anak-anak raja itu. Maka menyembahlah sekalian itu lalu terbang ke udara ghaib dengan sesaat itu juga ia pergi menuju ke Pulau Langkapuri. Serta sampai dilihatnya ada sungguh anak raja Rom itu bersama-sama puteri anak raja China. Maka sembah menteri jin sekalian itu, *"Hendaklah tuanku keempat berhamba ini masuk ke dalam peti ini, boleh patik sekalian hendak bawa mengadap Nabi Allah Sulaiman. Dengan titahnya jua hamba sekalian datang ini dan burung geroda itu adalah ia tengah mengadap Nabi Allah Sulaiman."*

Setelah didengar oleh anak raja Rom akan perkataan jin itu, lalu ia memasukkan segala harta yang di luar ke dalam peti itu serta dengan dirinya keempat orang sekali masuk ke dalamnya serta dikuncinya peti itu dari dalam. Setelah sudah maka diusunglah oleh jin itu menerbangkan menuju halanya ke penghadapan Nabi Allah Sulaiman. Tiada berapa lamanya sampailah mengadap ke hadapan Nabi Allah Sulaiman lalu diletakkan oleh segala menteri jin itu ke hadapan Nabi Allah itu serta menyembah lalu undur sekaliannya.

Demi dilihat oleh Nabi Allah Sulaiman peti itu terhantar di hadapannya dan di hadapan burung geroda

itu, maka titah Nabi Allah Sulaiman suruh keluarkan sekaliannya. Maka keluarlah keempat mereka itu duduk menyembah Nabi Allah Sulaiman serta tunduk kepalanya. Maka sabda Nabi Allah Sulaiman kepada burung[82] geroda, *“Hai burung geroda, laki-laki yang mana dan anak siapa ini?”*

Demi dilihat dan mendengar titah Nabi Allah Sulaiman demikian itu, maka burung geroda itu tiadalah terkata-kata lagi, datanglah ketakutannya yang amat sangat, gementar menggeligis[83] sendi tulangnya daripada sangat takutnya akan Nabi Allah Sulaiman serta dengan kemaluannya kepada segala raja-raja yang kebanyakan dan daripada bangsa raja yang besar bermahkuta itu beribu-ribu, menjadi tiadalah terkata lagi. Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *“Hai segala raja-raja dan menteriku bangsa yang baik-baik, hendaklah engkau dan kamu sekalian ketahui, demi Tuhanku yang menjadikan aku dan kamu sekalian di atas segala makhluk-Nya, dalam empat perkara ini hendaklah jangan sekali-kali ditentukan, jikalau tiada dengan janjinya daripada Tuhan alam. Pertama rezeki, sedikit atau banyak pada sehari semalam*

82 Tulisan pada transkrip: “Burung-burung”.

83 Geligis: menggeligis bergerak-gerak badannya kerana kesejukan atau ketakutan dsb; menggigil.

itu tiadalah segala makhluk hendak tentukan, sekalian dengan janji-Nya juga. Kedua, perkara yang memutuskan rezekinya, seperti yang akan datang mara dan maut, hendak itu pun tiadalah boleh seseorang jua pun daripada makhluk-Nya hendak mengetahuikan dia dan hendaklah jangan kamu tentukan bumi tempat kematiannya, melainkan kesudahannya dengan janji Allah jua. Ketiga, perkaranya jodo pertemuan satu-satu makhluk-Nya; jikalau berhimpunkanlah seisi alam dunia ini daripada segala bangsa yang dijadikan Allah taala, hendak menceraikan, tiada akan dapat hendak diceraikannya, melainkan dengan kehendak Tuhan yang menjadikan sekalian alam jua, dengan janjinya. Keempat, perkara perceraian yang sudah sampai waktu, saat harinya, tiada akan dapat hendak menantikan esok harinya, tiadalah boleh, melainkan dengan sekaliannya itu pun dengan janjinya jua."

Maka sembah segala raja-raja dan hulubalang sekaliannya, *"Sebenarlah seperti sabda Nabi Allah, pengajar di atas sekalian hambamu ini."*

Maka burung geroda itu pun berdatang sembah, *"Ya Nabi Allah, hambamu pohonkan ampun banyak-banyak di atas nyawa badan hambamu daripada kesalahan hambamu yang telah lalu itu. Ya Nabi Allah, mohonlah*

hambamu pada tahun, bulan, hari ini, hendak pergi keluar daripada bawah langit dan bumi ini, barang ke mana hambamu bawa diri hambamu diberi izin oleh Nabi Allah di atas hambamu ini."

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *"Akan hal anak raja kedua ini betapa jua kehendak engkau?"*

Maka sembah burung geroda, *"Ya, Nabi Allah, telah hambamu pulangkan kepada Nabi Allah ia sekalian ini. Di dalam itu pun lebih maklumlah kepada Nabi Allah jua."*

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *"Jikalau demikian pergilah engkau pada hari ini, keluarlah dari sini, biarlah jauh daripada tanah yang diduduk oleh segala manusia, kepada laut yang bernama Kalzum* [84]*, yang tiada dihampiri dan sampai oleh manusia."*

Maka sembahnya, *"Jikalau demikian titah Nabi Allah di atas hambamu, baiklah, ya Nabi Allah."*

84 Tidak diketahui lokasinya.

Lalu ia tunduk kepalanya ke bawah seperti laku orang menyembah bermohonkan kepada Nabi Allah Sulaiman lalu ia terbang pergi halanya menuju Laut Kalzum yang tiada pernah sampai oleh segala manusia. Di sanalah ia diam duduk mencari makan. Maka sabda Nabi Allah Sulaiman kepada seorang menteri berbuat suatu surat dengan bahasa China hendak dihantarkan anaknya dan anak raja Rom, serta beri khabar hal ehwalnya sekalian perbuatan burung geroda itu di atas anak raja Rom itu. Maka disuratlah oleh menteri itu. Maka sabda Nabi Allah Sulaiman bertanya kepada anak raja Rom kalau-kalau ada raja-raja yang diharap oleh raja yang bersama-sama mengiringkan. Maka sembah anak raja Rom, *"Ada, tuanku, raja yang tua sebuah bahtera, yang bernama Raja Merong Mahawangsa. Kepada waktu malam hambamu rosak itu ia singgah pada suatu pulau mengambil air dan kayu, kalau-kalau ialah ada hidup tiada binasa, tuanku."*

Maka sembah seorang menteri daripada dewa-dewa, *"Ada, tuanku, kepada daratan tanah besar sebelah Pulau Seri namanya, ia membuat negeri serta hendak menanti ambil kalau-kalau ada duli tuanku hidup."*

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman, *"Khabar itu pun bubuhlah juga di dalam surat itu supaya boleh disuruhnya panggil kembali oleh raja Rom ke negerinya itu."*

Maka disurat oleh menteri itu sekaliannya, disembahkan kepada Nabi Allah Sulaiman surat itu, terlalulah baik bunyinya.

Maka sabda Nabi Allah Sulaiman kepada Raja Jin Harman Syah, *"Hendaklah tuan hamba dengan seribu tentera jin bawakan anak raja kedua ini empat berhamba, lima dengan petinya itu, hantarkan kepada raja Benua China serta tuan hamba suruh kahwin keduanya ini seperti adat raja-raja yang besar dan suruh raja Benua China itu beri surat ke Benua Rom, nyatakan khabar hal ehwal anaknya kedua orang ini."*

Maka sembah Raja Jin Harman Syah, *"Baiklah, ya Nabi Allah, terjunjunglah sabda Nabi Allah itu."*

Maka anak raja Rom dan anak raja Benua China empat berhamba itu pun menjunjung duli Nabi Allah Sulaiman. Setelah itu lalu masuk ke dalam petinya dan menguncikan peti itu dari dalamnya. Maka Raja Harman Syah pun menyembah Nabi Allah Sulaiman lalu menyuruh

hulubalangnya mengusung peti itu terbang menuju hala ke Benua China dengan seribu orang tenteranya.

Adapun tatkala itu raja Benua China pun tengah ramai dihadap oleh sekalian raja-raja dan hulubalang penuh sesak di balairung itu, muafakat bicara menanti segala menterinya pergi mencari khabar anakanda baginda tuan puteri dan anak Raja Rom itu, di mana juga khabarnya. Dan utusan daripada Benua Rom itu pun ada lagi, tiada lagi kembali ke Benua Rom, ada hadir sekaliannya duduk mengadap raja China itu kerana tiada dilepas oleh raja Benua China sekalian kembali lagi, hendak beri tentu juga warta itu. Tatkala itu maka datanglah Raja Jin Harman Syah terdiri di hujung balairung, langsung ke tanah sampai lantas pergi ke pintu gerbang itu penuh sesak dengan tentera jin. Demi dilihat mangkubumi[85] raja China hal yang demikian, kaum jin terlalu banyak datang itu, maka ia pun segeralah bangun dengan seorang raja bersama-sama dengan dia datang mengalu-alukan jin sekalian itu serta rajanya jin Harman Syah, pergi kepada hujung balairung itu serta bertanya, katanya, *"Siapa tuan hamba ini dan dari mana tuan datang ini, maka tiba-tiba timbul sudah ada terdiri di balairung raja kami ini?"*

---

85 Mangkubumi: perdana menteri; bendahara.

Maka kata Raja Jin Harman Syah, *"Hamba ini namanya Raja Jin Harman Syah. Hamba ke mari ini membawa surat titah dengan dititahkan oleh raja kami, raja segala makhluk di dalam dunia ini, iaitu Nabi Allah Sulaiman, menyuruh bawa titah ini kepada raja tuan hamba di sini."*

Setelah didengar oleh mangkubumi dan raja itu demikian, maka segera dipegang tangan Raja Jin Harman Syah itu seorang sebelah, dibawa ke hadapan raja China. Maka raja China itu pun bangun memberi hormat takzim serta dengan hairan melihat petinya dibawa orang diletakkan ke hadapan raja yang banyak itu, serta berkata, *"Silakan tuan hamba duduk."*

Maka diunjukkan[86] oleh Raja Jin Harman Syah surat daripada Nabi Allah Sulaiman itu. Maka oleh raja Benua China disambutnya surat itu dijunjungnya dan diciumnya, lalu diunjukkan kepada mangkubumi. Maka segera mangkubumi menyambut surat itu, dipermulianya pula dengan seribu kemuliaan, lalu dibukabacakan sambil berdiri juga.

86 Unjuk: tunjuk; mengunjuk menunjuk.

Demikianlah bunyinya di dalam surat itu:

"Inilah surat daripada Nabi Sulaiman, bahawa datang kepada raja Benua China. Hendaklah tuan hamba ketahui perbuatan burung geroda di atas anak perempuan tuan hamba dan di atas menantu tuan hamba anak Raja Rom dengan segala raja-raja dan menteri, para penggawa, hulubalang, sida-sida, bentara, biduanda, rakyat sekalian; berapa kapal keci dan bahtera yang sudah diperbinasakan oleh burung geroda itu. Sekarang ini keduanya sekali hamba bertemu. Maka inilah hamba suruh hantarkan kepada menteri hamba Raja Jin Harman Syah ini kepada tuan hamba. Maka hendaklah pinta tuan hamba kerjakan pekerjaan kebajikan itu keduanya dengan segera sempurna ikut seperti adat anak raja-naja yang besar, jangan diberi berkurangan mengikut adat tempat diam juga juga hendaklah serta tuan hamba beri surat pergi ke Benua Rom itu, suruh panggil himpunkan segala raja-raja dan tenteranya yang pecah belah itu bawa kembali ke Benua Rom, serta hendaklah tuan hamba terima ambil anak dan menantu tuan hamba keempat berhamba di dalam peti daripada tuan hamba juga. Maka inilah hamba nyatakan."

Setelah sudah dibaca surat itu lalu sama duduk sekaliannya itu berjabat tangan. Maka raja China pun menyorongkan puannya sirih persantapan pada Raja Jin Harman Syah, katanya, *"Makanlah sirih, hai saudaraku Raja Harman Syah,"* serta menyuruh keluar ia itu. Maka segeralah ia membukakan kuncinya, lalu ia pun keluarlah keempatnya menyembah ayahanda baginda raja Benua China itu. Maka dipeluk diciumnya oleh baginda akan anakanda itu kedua dengan gemar kasih rasanya melihat rupa anak raja Rom itu, lalu dipegang tangan dibawakan duduk ke sebelah iringan kanannya keduanya serta menyuruh orang bawa peti itu masuk ke dalam istana.

Setelah itu maka titah raja China utusan daripada Benua Rom itu. Maka segera utusan itu datang duduk bertelut[87] menyembah. Maka titah raja Benua China pada utusan itu, *"Yakah ini tuanmu?"*

Maka sembah utusan itu, *"Yalah ini tuan patik, anak raja Rom yang berlayar dengan beberapa banyak kapal keci dan bahtera yang dialatkan oleh tuan patik raja Rom akan anakanda baginda ini dengan raja-raja, menteri, hulubalang, para penggawa, sida-sida, bentara, biduanda*

87 Telut: duduk berlutut.

dan berlaksa-laksa [88] *tentera tuan patik ini. Patik pun hambanya, dititah oleh tuan patik itu raja Benua Rom, tiga tahun sudah lamanya patik datang ini, hendak mengambil khabar dan mencari akan tuan patik ini.”*

Maka titah anak raja Rom, *“Hai Syahbandar, bahawasanya sepenuh-penuh kasih tuan hamba akan hamba, sudah untung nasibku akan jadi yang demikian. Semoga-moganya aku bertemu dengan Nabi Allah Sulaiman, raja alam ini, maka aku sampai mari mengadap paduka ayahanda baginda ke Benua China ini. Jikalau tiada, entahkan di mana aku mati, diperbuat oleh burung geroda itu.”*

Maka sembah Raja Syahbandar, *“Dengan sebab itulah maka sangatlah percintaan duli paduka ayahanda baginda di Benua Rom.”*

Setelah demikian, maka raja Benua China pun memberi kurniai makan minum dan memberi persalinan akan Raja Jin Harman Syah. Setelah itu maka ia pun bermohonlah kepada raja Benua China dan kepada anak raja Benua Rom kembali mengadap Nabi Allah Sulaiman.

---

88 Laksa: sepuluh ribu; empat ~ empat puluh ribu.

Maka peninggal Raja Jin Harman Syah itu, maka raja Benua China pun memberi surat kepada Raja Syahbandar ke Benua Rom dengan nama raja Benua China dan nama anak raja Rom itu, menyuruhnya segala orang memberi surat pada segenap negeri yang takluk kepada Benua China itu serta menyuruh membawa jenis daripada segala makanan dan hadiah. Disuruhnya berhimpun segala raja-raja sekalian hendak mengerjakan anakanda keduanya itu, hendak menurut seperti sabda Nabi Allah Sulaiman itu. Tiadalah mahu raja Benua China itu melalui sabda Nabi Allah Sulaiman hendak mengerjakan ikut istiadat raja yang besar-besar. Setelah itu raja Benua China pun membawa anakanda baginda kedua masuk ke dalam istananya.